

# INSTITUT AMINUDDIN BAKI DITUBUH DI S'WAK

Bernama News | Berita Dalam Negeri | 17/11/2005 | Author: / SNS HS SP RHM

KUCHING, 17 Nov (Bernama) -- Institut Aminuddin Baki (IAB) yang menyediakan latihan sejajar dengan keperluan pendidikan tempatan akan ditubuhkan di Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pengarah Pelajaran Sarawak Datuk Dr Adi Badiozaman Tuah berkata latihan yang disediakan oleh IAB Cawangan Sarawak akan mengambil kira standard dan ciri-ciri keperluan pendidikan di negeri ini.

"Kami ada banyak sekolah kecil di Sarawak, jadi adalah penting latihan yang akan diberi sesuai dengan keperluan tempatan, terutama dalam bidang pengurusan sekolah kecil.

"Kebanyakan sekolah kami juga terletak di kawasan pedalaman dan kami menghadapi banyak masalah komunikasi dan perhubungan...bererti kami perlu mempunyai pemimpin yang boleh bekerja sendiri dan dengan perkhidmatan sokongan profesional yang minimum dari luar," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang jabatan itu di sini hari ini.

Dr Adi berkata Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti sebidang tanah di Santubong, kira-kira 40 km dari sini bagi tujuan itu.

Pembinaan institut berkenaan, yang keempat seumpamaya di negara ini, dijangka melibatkan kos RM30 juta dan mampu menampung 1,000 pelatih pada satu-satu masa.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 95 guru dan kakitangan bukan guru di seluruh negeri ini menerima anugerah tersebut daripada Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri Datuk Daud Abdul Rahman.

-- BERNAMA

SNS HS SP RHM